

# Pemenang perarakan Maulud Nabi terima hadiah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 November. - Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) diumumkan sebagai juara pertandingan Perhimpunan Perarakan dan Perbarisan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat Negara pada tahun ini, sekali gus mencawaskan pemenang tahun lalu, iaitu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Kategori Sekolah Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi / Swasta serta pemenang ketiga jatuh kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Johan menerima wang tunai BND4,500, naib johan BND3,500, ketiga BND3,000 dan BND1,400 bagi penghargaan berserta hadiah iringan dan sijil.

Juara bagi Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan sekali lagi dimenangi oleh pasukan Kementerian Pembangunan yang berjaya mengekalkan prestasi kejuaannya dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND3,500, piala iringan dan sijil penyertaan.

Tempat kedua dimenangi oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan Awam di tempat ketiga, masing-masing memenangi wang tunai BND2,000 dan BND1,500 berserta hadiah iringan dan sijil.

Juara Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta pada tahun lalu, Telekom Brunei terpaksa berpuas hati apabila Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) berjaya mendominasi kategori berkenaan bagi tahun ini dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND2,000, hadiah iringan dan sijil.

TelBru di tempat kedua dengan hadiah BND1,000 dan Pertubuhan Zaidana di tempat ketiga dengan BND700 berserta hadiah iringan dan sijil.

Pemenang bagi Kategori Kampung dan Takmir Masjid dengan hadiah wang tunai BND3,500 dan hadiah iringan serta sijil dijuarai oleh Ukhwah Kejiranan Rancangan Perumahan Negara Meragang sekali gus membuktikan kehebatan mereka apabila berjaya menerima Hadiah Khas majlis sambutan kali ini.

Di tempat kedua, AJK Takmir Masjid dan Kumpulan Belia Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara dengan membawa pulang BND2,000 manakala pemenang ketiga, Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia membawa pulang hadiah wang tunai BND1,500.

Keputusan yang dimaklumkan pada majlis yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) itu turut mengumumkan pemenang-pemenang Hadiah Khas, iaitu pasukan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) merangkul bagi Kategori Sekolah Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi / Swasta.

Manakala Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta Pertubuhan Zaidana bagi Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta.

Para pemenang Hadiah Khas tersebut berjaya membawa pulang wang tunai BND500.

Terdahulu, Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Hakim Pertandingan antara lain menyatakan bahawa lima sudut penghakiman diambil kira, iaitu perhimpunan, perbarisan, pakaian, selawat dan sepanduk dan manakala penilaian bagi Kategori Khas dilihat dari sudut perhimpunan awal dan di akhir garisan masuk ke dalam Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Tambahnya, berdasarkan enam lokasi penghakiman yang diaturkan sepanjang laluan perbarisan, para hakim mengulas terdapat beberapa pasukan yang tidak menamatkan perbarisan masuk ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Selain itu, ulasan para hakim



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (kanan) menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Sekolah Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi dan Swasta, iaitu Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB).

mendapati persaingan semua pasukan termasuk pasukan yang baru mendaftar pada tahun ini adalah memberangsangkan, khususnya penyertaan Kategori Kampung dan Takmir Masjid.

Dari sudut sepanduk tambahnya, terdapat kesalahan-kesalahan kecil pada ayat-ayat dan kalimah yang ditulis pada sepanduk.

Turut hadir di majlis tersebut

ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengarah Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

## NBD bakal saksikan jalinan kelupis terpanjang

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 November. - Sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam di mata dunia, sebuah percubaan untuk mendapatkan iktiraf Guinness World Records akan dilancarkan tidak lama lagi.

Percubaan Jalinan Kelupis Terpanjang (Longest Line of Rice Wraps) merupakan usaha Ayu Atiqah Event Management yang diterajui oleh Awang Haji Duraim bin Haji Mohammad.

Schubungan itu, satu taklimat telah dikendalikan oleh Awang Haji Duraim untuk membarikan proses pembuatan Kelupis Jalin terpanjang tersebut melalui langkah-langkah yang tersusun dari proses mendidih, membungkus dan juga mengukus dengan bantuan daripada pekerja-pekerja Royal Brunei Catering di Season's Restaurant, Gadong.

Kelupis Jalin tersebut menggunakan 330 kilogram Beras Pulut; 330 liter santan kotak; 310 ikat Daun Nyirik; 10 kilogram Daun Pandan; 7 kilogram garam putih halus dan 9 kilogram pita plastik untuk menjalin kesemua kelupis yang siap dikukus.

Kelupis tersebut akan disusun dan diletakkan di Grand Stand VIP, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara semasa pelancaran Brunei December Festival 2018.



PEKERJA Royal Brunei Catering di Season's Restaurant melakukan pembungkusan Kelupis Jalin bagi percubaan Guinness World Records untuk Jalinan Kelupis Terpanjang.

## Jabatan Ukur johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyampaikan hadiah kepada Pasukan Jabatan Ukur yang memenangi Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 November. - Pasukan Dikir lelaki dan perempuan Jabatan Ukur masing-masing muncul johan pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pertandingan berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan yang dikelolakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1440 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang

ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Sebanyak 17 buah pasukan menyertai peringkat saringan sebelum mempertandingkan 10 pasukan pada peringkat akhir terdiri daripada lima pasukan lelaki dan lima pasukan perempuan.

Tempat kedua disandang oleh pasukan lelaki Jabatan Perkhidmatan Air dan Kementerian Pembangunan di tempat ketiga, manakala pasukan perempuan Jabatan Tanah dan Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal masing-masing menyandang naib johan dan tempat ketiga.

Majlis terdahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Pemangku Pengarah JASTRe, Awang Aliman bin Haji Ahmad.

Bagi menyerikan majlis, satu ceramah khas bertajuk 'Tarbiyah Rasulullah Membawa Rahmat Dalam Berkeluarga' disampaikan oleh Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Dayang Alice Lim Sui Kau; Pengarah-pengarah; Timbalan-timbalan Pengarah; Ketua-ketua Divisyen / Unit; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan di jabatan-jabatan di bawahnya.